



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

MODUL LATIHAN PENDIDIKAN MORAL KSSM SPM

DISEDIAKAN OLEH:

**KUMPULAN JURULATIH UTAMA PENDIDIKAN MORAL
KSSM SPM JPN PULAU PINANG**

BAHAGIAN A
(SOALAN STRUKTUR)

1. Maklumat berikut mengenai budaya hedonisme.

Budaya hedonisme semakin berleluasa dalam kalangan remaja pada masa kini. Budaya hedonism merupakan ajaran dan pandangan bahawa kesenangan atau kenikmatan hidup merupakan tujuan utama hidup.golongan ini akan mengutamakan keseronokkan dalam kehidupan mereka.

a) Berikan dua contoh budaya hedonism.

i.

ii.

[2 Markah]

b) Jelaskan punca golongan remaja terlibat dalam budaya hedonisme.

i.

.....

ii.

.....

[4 Markah]

c) Ramalkan kesan sekiranya budaya hedonisme tidak diatasi segera

i.

ii.

[2 Markah]

d) Cadangkan satu langkah yang diambil oleh pihak berikut dalam usaha menangani budaya ini.

i. Ibu Bapa :

.....

ii. Kerajaan :

.....

[2 Markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan amalan integriti.

Lea seorang pelajar tingkatan 5. Semasa percubaan Sijil Pelajaran Malaysia, Lea telah didapati membawa nota sebagai rujukan semasa peperiksaan sedang berlangsung. Lea telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah di atas perbuatannya.

a) Apakah amalan integriti yang sepatutnya Lea amalkan sewaktu menduduki peperiksaan?

i.

ii.

iii.

[3 Markah]

b) Pada pendapat anda, mengapakah Lea bertindak sedemikian? Berikan alasan anda. i.

.....

ii.

iii.

[3 Markah]

c) Perbuatan Lea tidak menunjukkan amalan integriti yang perlu ada dalam diri setiap pelajar. Jelaskan implikasi perbuatan Lea pada masa akan datang jika Lea tidak berubah sikap.

i.

.....

ii.

.....

[4 Markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan vandalisme yang berlaku di sekolah.



Gambar 1

a) Apakah nilai universal yang seharusnya diamalkan oleh murid dalam mencegah perbuatan vandalisme di sekolah?

- i.
- ii.

[2 Markah]

b) Tindakan vandalisme adalah satu perbuatan yang tidak wajar. Berikan justifikasi anda berdasarkan prinsip keadilan atau keprihatinan.

-
-
-
-

[4 Markah]

c) Sekiranya perbuatan vandalisme ini tidak ditangani, jelaskan implikasi ke atas murid yang melakukan perbuatan tersebut.

- i.
-
- ii.
-

[4 Markah]

4. Jawab soalan dibawah berdasarkan maklumat yang diberikan

Maklumat 1

Hak Dan Tanggungjawab Sebagai Warganegara

Perkara 5 : Kebebasan Diri

Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Perkara 6 : Keabdian Dan Kerja Paksa Dilarang

Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara.

Perkara 13 : Hak Terhadap Harta

Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang

Maklumat 2

Awas peningkatan buruh kanak dalam kalangan kumpulan berisiko, kata pakar

Minderjeet Kaur - June 25, 2020 3:28 PM

233 Shares



194



Pakar berkata, kumpulan berisiko seperti golongan miskin dan pelarian lebih terdedah kepada buruh kanak-kanak.

PETALING JAYA: Pakar hari ini memberi amaran berhubung kemungkinan peningkatan insiden buruh kanak-kanak dalam kalangan golongan miskin, tidak berdokumen dan berkerakyatan serta pelarian sewaktu isi rumah bergelut untuk hidup susulan kesan penularan wabak Covid-19.

Bercakap pada satu webinar berhubung perkara itu, pakar kanan mengenai prinsip asasi dan hak di tempat kerja Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) Bharati Pflug berkata, wabak itu bakal menyaksikan peningkatan bilangan kanak-kanak yang terpaksa bekerja.

Ini termasuklah pornografi, pengedaran dadah, ikatan hutang, pelacuran dan kerja berbahaya seperti kerja bawah air, bekerja untuk tempoh lama dalam persekitaran bahaya dan kerja malam menggunakan peralatan berbahaya.

a) Berdasarkan **maklumat 1** jelaskan pemahaman anda tentang tanggungjawab sebagai warganegara dari aspek :

i. Kebebasan diri

.....
.....

ii. Keabdian dan kerja paksa dilarang

.....
.....

iii. Hak terhadap harta

.....
.....

[3 Markah]

b) Berdasarkan kepada **maklumat 2**, nyatakan dua kesan yang akan berlaku sekiranya golongan kanak-kanak ini menjadi pekerja.

i.
.....

ii.
.....

[4 Markah]

c) Jelaskan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara.

i.
ii.

[2 Markah]

d) Apakah deklarasi yang memberikan perlindungan hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa ?

.....

[1 Markah]

5. Berikut adalah hasil seni tradisional masyarakat Malaysia.



Gambar 2

a) Jelaskan perasaan anda apabila melihat keunikan hasil seni rakyat Malaysia seperti dalam gambar diatas?

.....
.....

[2 Markah]

b) Apakah nilai universal yang harus diamalkan oleh rakyat untuk menghormati keunikan setiap kaum di Malaysia?

- i.
- ii.

[2 Markah]

c) Bincangkan contoh amalan tradisi yang patut dikekalkan dalam keluarga anda. Berikan alasan.

.....
.....
.....

[3 Markah]

d) Andaikan anda adalah menteri kebudayaan, apakah strategi yang akan dilakukan untuk mengekalkan keunikan pelbagai budaya di Malaysia

i.

ii.

iii.

[3 Markah]

BAHAGIAN B
(SOALAN
ESEI)

1. Maklumat berikut berkaitan dengan pencapaian seorang pelajar cemerlang SPM tahun 2019.



Pencapaian:
Akademik: Pelajar Cemerlang SPM 2019 Kokurikulum:
Olaragawati Peringkat Daerah Hal ehwal Murid: Ketua
Pengawas Sekolah

Gambar 3

Jelaskan ciri-ciri yang dapat dipelajari oleh pelajar daripada pencapaian di atas dalam usaha menjadi modal insan yang mempunyai keperibadian mulia. Huraian anda haruslah berdasarkan nilai-nilai universal yang anda pelajari.

[10 Markah]

2. Maklumat berikut berkaitan slogan keluarga bahagia.

Rumahku Syurgaku

Huraikan ciri integriti keluarga yang perlu ada dalam sesebuah keluarga bagi merealisasikan slogan di atas berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan jenayah buli siber.



Gambar 4

Sekiranya anda menjadi mangsa buli siber, huraikan tindakan yang anda perlu lakukan untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa buli siber berdasarkan nilai universal yang di pelajari.

[10 Markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan beberapa logo kedai yang terlibat dalam sejenis perniagaan yang amat popular pada masa kini di Malaysia.



Gambar 5

Namakan jenis perniagaan tersebut. Bagaimanakah jenis perniagaan ini mengubah gaya kita menguruskan kehidupan seharian. Kemukakan hujah anda secara terperinci berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]

5. Baca kenyataan dibawah,

Isu sensitif yang melibatkan kaum, agama, kepercayaan dan kebudayaan yang tersebar melalui media sosial menjadi salah satu punca perselisihan kaum di Malaysia.

Bagaimanakah anda boleh mengatasi isu tersebut berdasarkan nilai- nilai universal yang telah anda pelajari.

[10 Markah]

BAHAGIAN C
(SOALAN ESEI)

1. Berikut adalah suasana pada sambutan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina.



Gambar 6

- a) Jelaskan perasaan anda apabila menghadiri sambutan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina. Huraikan kepentingan kerajaan menganjurkan sambutan rumah terbuka bagi perayaan-perayaan utama pelbagai kaum. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]

- b) Terangkan kesan pengabaian norma masyarakat dalam kehidupan harian.

[10 Markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



- a) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan kepentingan program di atas untuk mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penyayang.

[10 Markah]

- b) Bincangkan implikasi terhadap masyarakat sekiranya nilai kemanusiaan diabaikan.

[10 Markah]

3. Situasi berikut berkaitan dengan isu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi

Raju dan Ah Meng telah ditudduh menyebarkan maklumat palsu di media sosial. Maklumat tersebut telah di kesan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) kerana telah menyentuh sensitiviti perkauman. Akibatnyaa, mereka telah didakwa di mahkamah.

a) Berdasarkan isu di atas, huraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang patut diamalkan oleh Raju dan Ah Meng berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]

b) Bincangkan kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

[10 Markah]

4. Berikut adalah satu peribahasa Melayu,

BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH

a) Berdasarkan peribahasa di atas, jelaskan kepentingan amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]

b) Bincangkan cabaran dalam membentuk perpaduan dalam rakyat Malaysia

[10 Markah]

5. Infografik di bawah berkaitan dengan kebanjiran pendatang asing tanpa izin(PATI)



a) Mengapakah isu kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) menggugat kedaulatan negara.

[10 Markah]

b) Bagaimanakah kerajaan menangani masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin(PATI).Kemukakan hujah anda berdasarkan nilai nilai universal yang dipelajari.

[10 Markah]